

Bukan gawat, tetapi gelora kecil kesan kejatuhan minyak dunia

PUTRAJAYA 20 Jan. - Malaysia cuma berdepan gelora kecil, bukannya kegawatan ekonomi apabila menerima kesan daripada kejatuhan harga minyak dunia.

Ketua Kluster Ekonomi dan Pengurusan Majlis Profesor Negara (MPN), Profesor Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali berkata, keadaan ekonomi di negara ini amat berbeza dengan krisis ekonomi yang pernah melanda negara pada 1997 dan 1998.

"Keadaan semasa adalah disebabkan oleh kejutan luar yang berhubung kait dengan ekonomi antarabangsa.

"Dalam krisis ekonomi 1997 pula, krisis berlaku secara dalaman di negara kita sendiri serta di beberapa negara serantau. Krisis 1997 juga didorong oleh faktor spekulasi yang tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada

Negara di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Dalam majlis itu, Datuk Seri Najib Tun Razak memberitahu, kerajaan menyemak semula unjuran purata paras harga asas minyak ke- pada AS\$55 setong berbanding unjuran AS\$100 setong semasa Bajet 2015 dibentangkan.

Keadaan itu didorong oleh harga minyak mentah dunia yang menjunam melebihi 50 peratus dan ahli-ahli ekonomi menganggarkan purata harga minyak 2015 adalah antara AS\$40 hingga AS\$70 setong.

Mengulas unjuran itu, Noor Azlan yang juga Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata, unjuran purata AS\$55 setong yang diletakkan kerajaan adalah munasabah.

Beliau pada masa yang sama menjangkakan harga minyak yang

kekal rendah pada ketika ini akan meningkat semula terutamanya dengan beberapa tanda positif dalam ekonomi dunia kebelakangan ini.

"Ketika keadaan di China kekal muram, ekonomi India dan Amerika Syarikat bagaimanapun telah menampakkan tanda-tanda yang baik. "Saya melihat ada tanda-tanda pemulihan di negara maju khususnya dalam kalangan negara yang terjejas oleh krisis kewangan Eropah," katanya.

Noor Azlan bagaimanapun menegaskan faktor ekonomi semata-mata tidak menjelaskan kedudukan harga minyak kerana nilai bahagi itu turut dipengaruhi oleh politik dunia.

Semalam, harga minyak mentah Dated Brent jatuh kepada AS\$48 berbanding AS\$115 setong yang direkodkan pada 19 Jun tahun lalu.



NOOR AZLAN GHAZALI

pemberita selepas menghadiri majlis Perutusan Khas Perdana Menteri Tentang Perkembangan Ekonomi Semasa dan Kedudukan Kewangan